

## **Najib Adakan Lawatan Rasmi Tiga Hari Ke Vietnam**

**Bernama**

**3 Apr, 2014**

**Oleh Rhoma Ahmad Razali**

HANOI, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual tiba di sini Khamis bagi melakukan lawatan rasmi tiga hari dengan objektif utama untuk meningkatkan hubungan dua hala Malaysia-Vietnam.

Beliau yang akan berlepas dari Perth, Australia dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai, di sini pada 9 malam ini waktu tempatan (10 malam waktu Malaysia).

Lawatan rasmi Najib ke sini yang merupakan kali pertama selepas menjawat jawatan perdana menteri pada 2009, juga akan memberi tumpuan ke arah meningkatkan lagi hubungan perdagangan kedua-dua negara.

Duta Malaysia di Vietnam Datuk Azmil Mohd Zabidi berkata perdana menteri mempunyai jadual padat sepanjang lawatan dengan aturcara esok dimulai dengan majlis sambutan rasmi di Istana Presiden di sini sebelum mengunjungi rakan sejawatnya Nguyen Tan Dung di Pejabat Perdana Menteri Vietnam.

"Selepas itu perdana menteri akan melawat dan menunaikan solat Jumaat di Masjid Annur di sini sebelum merasmikan projek perumahan dan perbandaran Gamuda City di sini, bernilai AS\$3 bilion yang dimajukan syarikat Gamuda Berhad dari Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia di sini pada Rabu.

Azmil berkata Najib kemudian akan mengunjungi Presiden Vietnam, Truong Tan Sang di Istana Presiden dan dijadual mengunjungi Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam, Nguyen Phu Trong, sejurus selepas itu.

Pada sebelah malamnya, perdana menteri akan menghadiri majlis bersama-sama masyarakat Malaysia di negara ini pada majlis makan malam.

Pada hari ketiga, Najib akan mengadakan pertemuan dengan pelabur Malaysia di Vietnam yang turut akan disertai kalangan pemain industri tempatan bagi membincangkan peluang pelaburan kedua-dua pihak di kedua-dua negara.

"Kita berharap acara ini nanti akan membuka mata kepada mereka (pelabur Vietnam) untuk melabur di Malaysia," kata Azmil.

Najib dijangka berlepas pulang ke Kuala Lumpur sejurus selepas pertemuan itu.

Azmil berkata jumlah perdagangan Malaysia-Vietnam meningkat kepada AS\$10.25 bilion pada tahun lalu berbanding AS\$9.03 bilion pada tahun sebelumnya dengan penyumbang utama adalah barangan elektronik.

"Sehingga kini, lebih 400 syarikat Malaysia beroperasi di Vietnam dengan jumlah pelaburan bernilai AS\$10.4 bilion dan Petronas kekal sebagai pelabur Malaysia terbesar di negara ini dalam sektor minyak dan gas," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027558>